

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my



Perjalanan jauh tak ku rasa
Kerna hati ku melonjak sama
Ingin berjumpa sanak saudara
Yang selalu bermain di mata

Nun menghijau gunung ladang dan rimba
Langit nan tinggi bertambah birunya
Deru angin turut sama berlagu
Semuanya bogaikan turut gembira

Balik kampung oh oh...
Hati girang
Ho ho... Balik kampung
Hati girang

Terbayang wajah-wajah yang ku sayang
Satu-satu tersemat di kalbu
Pasti terubat rindu di hati
Menyambut kepulangan ku nanti
(lagu: Balik Kampung, dendangan
Allahyarham Sudirman Hj Arshad)

Tatkala lagu evergreen ini
berkumandang di corong-corong
radio, pasti ramai yang turut sama
menyanyi. Bukan setakat menyanyi,
liriknya yang bersahaja menjadikan
golongan perantau terus bersemangat
untuk pulang ke kampung halaman.

Perjalanan jauh tidak sesekali
mematahkan semangat perantau pulang
ke desa tercinta, lebih-lebih lagi lebaran

Pengalaman BALIK RAYA

Penuntut bersedia awal beli tiket pulang ke kampung



ISU KAMPUS

akan menjelma tidak lama sahaja lagi.

Kisah perantau kalangan penuntut institusi pengajian tinggi juga menyimpan pengalaman berbeza, hasil tinjauan penulis, mereka kadang kala terpaksa membeli tiket awal maklumlah ada yang bergantung kepada pengangkutan awam semata-mata, ada yang terpaksa beli tiket dua kali kerana pada awalnya jadual cuti lain, kemudian berubah saat akhir, dan ada juga yang bertindak sebagai ketua membuat bas *cater* untuk kemudahan

rakan-rakan.

Begitulah kehidupan mereka, sikap berdikari sentiasa menebal. Perlu pantas bertindak, jika tidak, peluang balik kampung tidak kesampaian. Ada yang mengambil sikap saling bantu membantu. Niatnya hanya satu, pulang ke kampung dan berhari raya bersama keluarga tercinta.

Tidak kurang juga bagi ibu bapa yang berkemampuan, kenderaan sendiri seperti kereta begitu memudahkan, dan jika betul percaturan, mereka selamat tiba tanpa meredah kesesakan lalu lintas yang begitu sinonim dengan musim perayaan. Ikuti pengalaman mereka, juga seorang penuntut bukan muslim yang sama-sama meraikan Aidilfitri bersama rakan baik di Jeli, Kelantan.

Saling menghormati rakan Muslim

PENGALAMAN balik raya juga turut dirasai penuntut Kristian seperti Mc Lly Adrian Simon dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Menurut Adrian, dia bercadang menyambut Aidilfitri tahun ini bersama rakannya, Khairul Afham Abdul Manan, yang berasal dari Jeli, Kelantan.

Adrian berasal dari Limbang, Sarawak, dan tahun ini adalah sambutan hari raya pertama di semenanjung.

"Jika di Sarawak, saya juga meraikan Aidilfitri bersama rakan-rakan Muslim, dan kami akan berkunjung ke rumah mereka, hidangan kegemaran saya tentunya kek lapis Sarawak, tetapi di sini, saya rasa tat nenas adalah biskut kesukaan saya," katanya.

Secara peribadi, dia mengagumi keunikan yang ada dalam masyarakat Malaysia. Katanya, perayaan seperti Aidilfitri bukan sahaja menjadi majlis keratan masyarakat Melayu, bahkan kemeriahannya turut dirasai kaum lain.

"Saya cukup hormat dengan rakan-rakan Muslim ketika menjalani ibadat puasa, saya tidak akan merijamah makanan sekiranya sedang bersama mereka, dan inilah cara masyarakat Malaysia boleh hidup secara aman dan harmoni," ujarnya.



Katanya, pengalaman manis ketika Ramadan yang masih segar dalam ingatan adalah ketika menyambut di Vietnam semasa menyertai program sukarelawan anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa.

"Waktu itu saya bercampur dengan rakan-rakan Muslim, dua minggu berpuasa dan dua minggu selepas raya. Saya juga boleh menyesuaikan diri, dan secara kebetulan waktu itu pula, puasa di Vietnam lewat sehari, begitu juga sambutan hari raya juga lewat sehari," katanya.

Jual tiket dalam kampus

MELIHAT isu balik kampung sebagai satu kemestian bagi semua pelajar, Exco Kebajikan dan Prasarana Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Perlis (UniMap), menyediakan kaunter jualan tiket bas kepada pelajar sepanjang cuti semester dan sempena sambutan Aidilfitri. Exconya, Piveendren Rao berkata, inisiatif itu disediakan untuk memudahkan penuntut membeli tiket pulang ke kampung mengikut destinasi.

"Pelajar tidak perlu bersesak-sesak ke kaunter penjualan di Kangar kerana urusan pembelian tiket dan perjalanan bas semuanya diuruskan pihak kami. Bas akan bertolak dari Unicity dan Seberang Ramai pada tarikh yang ditetapkan.

"Kepada sesiapa yang ingin membeli tiket, hendaklah membuat tempahan dahulu kepada MPP dan kaunter bayaran tiket akan dibuka di Seberang Ramai dan Unicity. Tarikh akhir menempah tiket

adalah 5 Julai lalu," jelasnya.

Menurutnya, program ini adalah yang kedua dijalankan di kampus, dan sambutan yang begitu menggalakkan daripada penuntut.

Destinasi yang ditawarkan adalah ke Johor Bharu, Seremban, Klang, Kajang, Shah Alam dan lain-lain secara sehalu dan pergi balik.

"Harga tiket mengikut kadar biasa, tiada keistimewaan dari segi diskaun dan sebagainya, cuma ia menunjukkan barisan MPP peka dengan kesusahan rakan-rakan dan langkah ini sekali gus mengurangkan beban mereka," ujarnya.

Katanya, melihat pada sambutan baik tahun lepas, tahun ini dianggarkan dua buah bas akan digunakan.

"Nasihat saya, rakan-rakan jangan tunggu saat akhir untuk buat tempahan, jika tidak mereka terpaksa ke pusat bandar, yang belum tentu ada tiket dan berkemungkinan harganya mahal daripada biasa," katanya.



Terpaksa beli tiket dua kali

BAGI penuntut Diploma Farmasi, Universiti Kuala Lumpur Royal College Of Medicine (Rcmp) Ipoh Perak (UniKL), pengalaman balik raya kali ini begitu berbeza lebih-lebih lagi memikirkan soal tiket.

"Saya baru sahaja mendaftar pertengahan bulan lalu, dan ini adalah pengalaman pertama belajar di luar, juga pengalaman pertama membeli tiket bas sebanyak dua kali," kata Nurul Fatin Enani Mustaffa.

Jelasnya, jadual yang berubah saat-saat akhir antara penyebab dia terpaksa mencari tiket alternatif untuk pulang ke kampung.

"Kalau ikutkan jadual asal, tiket saya pada 14 Julai, namun kami diberi pelepasan balik awal, jadi tarikh baru adalah 10 Julai ini. Saya jual tiket lama, kemudian ke kaunter tiket beli baru. Jarak kolej dengan tempat beli tiket tidak jauh sangat, jadi tiada masalah untuk saya dapatkan tiket.

"Alhamdulillah, rezeki masih berpihak kepada saya kerana masih terdapat tiga kekosongan pada waktu itu," katanya yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan. Ujarnya, pengalaman pertama ini tidak sesekali mematahkan semangat untuk belajar malah terus dijadikan semangat lagi

pun ketika di sekolah menengah sudah beberapa kali dia berpuasa tanpa di sisi keluarga. Namun, masih diselubungi perasaan sedih kerana sukar mencari hidangan kegemaran memandangkan majoriti di Ipoh kalangan bukan Muslim.

"Ini juga pengalaman puasa pertama jauh dari ibu bapa, kalau dulu, rumah dengan asrama dekat sahaja, tetapi kini, saya lebih berdikari untuk pastikan jadual pengajian, tempahan tiket, dan kelengkapan diri terurus.

"Timbul juga rasa seronok kerana dapat merasai suasana perantau pulang ke kampung, walaupun agak menyulitkan, namun gembira, lebih-lebih lagi persiapan raya dah lengkap," katanya.



Sedia bas tempahan khas

BERLAINAN pula situasi Muhammad Faiq Mazlan, penuntut tahun tiga fakulti Sains Sosial Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Atas rasa ingin membantu rakan-rakan seenergi, dia mengetuai kumpulan pelajar membuat bas tempahan khas (*cater*).

Menurut Faiq, tempahan tiket kepada pelajar dibuka awal, namun sikap pelajar itu sendiri yang selalu menunggu saat akhir untuk membuat tempahan. Namun ada juga sesetengah masalah berpunca daripada perubahan jadual pengajian, tarikh peperiksaan atau sebagainya.

"Kami bekerjasama dengan bas persiaran, harga tiket normal; tapi banyak kelebihan, terutama kepada siswi. Aspek keselamatan menjadi keutamaan, sebab itu jika pelajar tempah tiket bersama kami, mereka tidak perlu bersusah payah keluar dari kampus, kami akan ambil mereka di kolej

masing-masing," katanya

Ujarnya, ini adalah tahun ke dua dia mengetuai projek ini, dan sambutannya begitu baik. Sehingga kini juga, bas yang digunakan tidak pernah terlibat dalam kemalangan, cuma mengalami masalah teknikal yang kadangkala penghawa dingin rosak. Kebiasaannya ia melibatkan tiga buah bas dengan masing-masing memuatkan 40 pelajar.

Dia yang juga berasal dari Marang, Terengganu berkata, sambutan yang menggalakkan juga kebanyakan datang daripada penuntut pantai timur yang sering berdepan kesukaran mendapat tiket, kerana cepat habis.

"Dalam menjalankan peranannya juga, Faiq berkata, dia tidak pernah memikirkan soal keuntungan, dan jika ada sekalipun, semuanya akan disalurkan kepada Persatuan Mahasiswa Terengganu (Permata)," katanya selaku Timbalan Yang Dipertua kepada persatuan tersebut.

Faiq mengingatkan pelajar jangan segan hubungi persatuan jika sukar mendapat tiket untuk balik raya atau pulang ke kampus.



Memandu kenderaan sendiri

"SAYA memilih memandu kenderaan sendiri untuk pulang ke kampung halaman tahun ini. Kami berkonvoi dari Nilai ke Wakaf Bahru, Kelantan," demikian kata Mohd Afifi Hassan,

penuntut tahun dua, ijazah pentadbiran Muamalat dari Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

Menurut Afifi, memandangkan peperiksaan akhir tamat awal, pada 3 Julai lalu, dia bersama tiga rakan yang lain akan memulakan perjalanan selepas solat sunat terawih.

"Kami sama-sama berkongsi duit minyak, sebab jika balik naik bas pun harga tiket dengan minyak kereta lebih kurang sahaja, naik kereta lebih selesa sebab masa untuk memulakan perjalanan adalah mengikut keselesaan sendiri berbanding pengangkutan awam," katanya.

Katanya, pengalaman sebelum ini yang sudah dua tahun belajar di Usim, tiket

untuk pulang ke kampung selalunya cepat habis, dan tempoh tiket dibuka untuk tempahan juga tidak diketahui.

"Agak susah untuk jangka bila tempahan tiket dibuka, lagipun kami ni pelajar, susah untuk mendapat info berkaitan tiket bas, berbanding orang biasa, Syukur tahun ini, saya diberi kemudahan kereta, soal tiket langsung saya tidak ambil tahu," katanya.

Tambahnya juga, kawasan tempat pengajian, Nilai itu juga salah satu faktor tiket bas cepat habis memandangkan ianya adalah salah satu tumpuan masyarakat pantai timur.

"Saya nasihatkan rakan-rakan agar segera mencari tiket kerana jika berlengah, mungkin masalah lain pula menjelma. Lagipun, pada musim perayaan sukar dijangka, semua tempat pasti sesak, kerana menjadi tumpuan ramai," ujarnya.

Katanya, konvoi itu akan membatik rakan-rakan di Usim bersama tiga kereta.